

Lee lawat Malaysia Mei

BH-6/3/2007.

SINGAPURA: Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong akan melawat Malaysia pada Mei ini untuk bertemu rakan sejawatnya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu perjumpaan istirahat.

Menteri Luar Singapura, George Yeo memberitahu Parlimen, di sini, semalam, perjumpaan istirahat itu akan menjadi yang pertama bagi kedua-dua pemimpin terbabit.

Lee akan diiringi satu delegasi Kabinet dalam perjumpaan itu, manakala Abdullah dijadual turut disertai beberapa menteri.

Mengenai hubungan dengan Malaysia, Yeo berkata, pada keseluruhannya ia baik dan semakin meningkat dengan kerjasama rapat antara kedua-dua negara memberi manfaat kepada rakyat.

"Secara peribadi, saya gembira mendengar pengumuman bahawa (syarikat Malaysia) Genting berjaya dalam bida melaksanakan projek pusat peranginan bersepadu Sentosa," katanya.

Yeo berkata, Singapura juga mahu bekerjasama dengan Malaysia dalam menjayakan projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor untuk manfaat bersama. - Bernama